I Gambar berkaitan dengan sejenis kegiatan




Apakah jenis aktiviti dalam gambar di atas?

A. satu aktiviti yang menjalankan kegiatan sosial
B. satu aktiviti yang member sumbangan kepada pengguna
C. satu aktiviti jual beli barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan
D. satu aktiviti pertukaranbarang dan perkhidmatan dalam sistem barter

2 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan satu bentuk perniagaan

- Perniagaan dikendalikan mengikut sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama
- Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak

Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi kenyataan di atas?

A Kontrak Pengeluaran
B Usaha sama
C Syarikat Sendirian berhad
D Francais

3 Antara yang berikut, manakah kelebihan perkongsian liabiliti terhad (PLT) berbanding dengan perkongsian berhad?

I Mudah diuruskan
II Mudah ditubuhkan
III Hayat Perkongsian berterusan
IV Semua rakan kongsi mempunyai tanggungan terhad

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV



LIVEWORKSHEETS

**4** Rajah di bawah ini berkaitan dengan sektor perniagaan




Manakah yang mewakili X?

I Pertanian
II Pembinaan
III Perhotelan
IV Perhutanan

A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D II dan IV

**5** Maklumat berikut berkaitan dengan kilang roti

> Kilang Roti Fatimah menjalankan pengeluaran secara intensif buruh.Ia dikategorikan sebagai perniagaan saiz sederhana kerana memiliki saiz buruh yang ramai.

Kriteria di atas merujuk kepada
A Syer pasaran
B Bilangan buruh
C Jumlah modal
D Jumlah jualan tahunan

**6** Antara yang berikut,manakah ciri sesebuah perniagaan yang mempunyai skala perniagaan Tempatan?

I mempunyai pekerja yang berkemahiran tinggi
II syer pasaran ialah masyarakat tempatan
III jualan tahunan perniagaan adalah rendah
IV memerlukan modal yang banyak

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



LIVEWORKSHEETS

7 Apakah tujuan setiap perniagaan menyediakan barang dan perkhidmatan ?

A. Meningkatkan imej perniagaan
B. Meningkatkan taraf hidup masyarakat
C. Menjalankan penyelidikan dan pembangunan
D. Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

8 Perniagaan manakah yang merupakan milikan tunggal?

A. Kedai Runcit Ali
B. Restoren Minah dan Baba
C. Koperasi Bersatu Berhad
D. Syarikat Kemboja Sdn Bhd

9 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan

- Didaftarkan dibawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Terdiri daripada beberapa ahli yang menggabungkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran
- Semua ahli membayar cukai pendapatan persendirian

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

A. Koperasi
B. Perkongsian
C. Milikan tunggal
D. Syarikat Awam Berhad

10 Usaha sama ialah

A. Bentuk perniagaan untuk menjaga kebajikan pemiliknya
B. Hak yang diberi untuk menjalankan perniagaan yang sama jenis
C. Perniagaan yang dijalankan untuk memenuhi permintaan pengguna
D. Dua syarikat bergabung untuk membentuk sesebuh syarikat yang baharu.

11 Maklumat berikut menunjukkan contoh aktiviti-aktiviti sektor perniagaan

X: Perlombongan Petroleum
Y: Pengangkutan gas cecair

Klasifikasi sektor manakah yang tepat?

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Sektor Utama | Sektor kedua |
| B | Sektor ketiga | Sektor kedua |
| C | Sektor utama | Sektor ketiga |
| D | Sektor utama | Sektor kedua |



LIVEWORKSHEETS

12 Rajah di bawah ini berkaitan dengan sektor perniagaan




Manakah yang mewakili X

I. Pertanian
II. Pembinaan
III. Perhotelan
IV. Perhutanan

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan IIII
D. III dan IV

13 Pasangan manakah yang betul mengenai perbezaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad ?

| | Syarikat Sendirian Berhad | Syarikat Awam Berhad |
|---|---|---|
| A | Syer boleh dipindah milik dengan bebas | Syer tidak boleh dipindah milik dengan bebas |
| B | Bilangan pemegang syer terhad | Bilangan pemegang syer tidak terhad |
| C | Syer boleh dijual kepada orang ramail | Syer dijual kepada sekumpulan individu tertentu |
| D | Penyata kewangan perlu diumumkan kepada orang ramai | Penyata kewangan tidak diumumkan kepada orang ramai |

14 Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Hasan, pengusaha kilang keropok

Encik Hasan adalah seorang pengusaha kilang keropok di Kampung Lipan, Terengganu. Beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui para pemborong.Beliau menggaji seramai 15 orang pekerja tetap dikilangnua.Pada puratanya jasil jualan tahunan adalah sebanyak RM750,000

Klasifikasikan saiz perniagaan Encik Hasaan mengikut saiz dan sektor

| | Saiz | Sektor |
|---|---|---|
| A | Kecil | Perkilangan |
| B | Kecil | Pembinaan |
| C | Sederhana | Perkilangan |
| D | Besar | Perkhidmatan |



LIVEWORKSHEETS

15 Apakah tujuan utama perniagaan dijalankan?
A Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan
B Melambangkan imej perniagaan
C Membolehkan tanggungjawab sosial dijalankan
D Menyahut cabaran kerajaan untuk menceburi bidang perniagaan

16 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan perniagaan perkongsian?
I Prosedur penubuhan sukar
II Liabiliti tidak terhad
III Berkongsi kepakaran
IV Perniagaan berkekalan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk milikan perniagaan

- Dijalankan oleh sekumpulan individu secara sukarela
- keahlian minimum adalah 50 orang

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?
A Koperasi
B Perkongsian
C Syarikat Awam Berhad
D Syarikat sendirian berhad

18 Apakah kepentingan sektor ketiga dalam perniagaan?
A Meningkatkan hasil pertanian
B Menngeluarkan bahan mentah
C Menyediakan barang separuh siap
D Mengagihkan barang kepada pengguna

19 Maklumat berikut berkaitan dengan contoh aktiviti sebuah sektor perniagaan

| | |
|---|---|
| Sektor X | • Memproses kayu balak menjadi papan<br>• Memasang papan menjadi perabot |

Apakah ciri sektor di tersebut?
A Mengeluarkan sumber semula jadi
B Memberikan khidmat langsung kepada pengguna
C Membekalkan barang terus kepada pengguna
D Melibatkan aktiviti pembekalan tenaga



LIVEWORKSHEETS

| | |
|---|---|
| 20 | Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Lenny<br><br>Puan Lenny merupakan pemilik Kedai Kek dan Pastri D'Lenn yang beroperasi di Kulai, Johor dan dibantu oleh 5 orang pekerja.<br><br>Berdasarkan pernyataan tersebut, yang manakah antara berikut benar berkaitan perniagaan Puan Lenny?<br><br>I Persaingan perniagaan yang sengit<br>II Berpotensi berkembang maju<br>III Bersaiz sederhana<br>IV Pasaran terhad<br><br>A I dan II<br>B I dan IV<br>C II dan III<br>D III dan IV |



LIVEWORKSHEETS